

Parti komponen BN kena kerja sekuat Umno, kata Zahid
Free Malaysia Today
Dec 2, 2016
Nawar Firdaws

Timbalan perdana menteri berkata semua parti komponen sepatutnya saling membantu satu sama lain, terutama ketika pilihan raya umum.

KUALA LUMPUR: Parti komponen lain dalam Barisan Nasional (BN) perlu bekerja sekuat Umno, kata pemangku timbalan presiden Umno Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi.

Zahid berkata beliau ada bertemu dengan presiden parti komponen BN untuk berbincang perkara itu dan yakin “perubahan drastik” akan berlaku tidak lama lagi.

“Saya meminta parti komponen lain bekerjalah sekuat Umno dan saya yakin mereka akan berbuat begitu,” kata pada sidang akhbar di PWTC di sini semalam.

Zahid berkata mereka diberitahu untuk bekerja kuat di kawasan yang diberi peluang untuk bertanding, dan terus membantu calon BN di kawasan lain.

Ramai yang menjangkakan pilihan raya umum (PRU) akan diadakan pada tahun depan.

Ahli Parlimen Bagan Datoh itu berkata beliau mengarahkan ketua penerangan Umno untuk bekerjasama dengan parti lain dalam BN untuk menggerakkan jentera mereka untuk berdepan dengan PRU.

“Saya sudah minta mereka berbuat demikian untuk memastikan barisan kita bersatu,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Presiden MCA Datuk Seri Liow Tiong Lain tanggungjawab mendapatkan sokongan bukan Melayu terletak pada BN dan bukan parti komponen saja.

Liow berkata demikian sebagai respons kepada ucapan Naib Ketua Pemuda Umno Azwan Harun pada Perhimpunan Agung Umno 2016.

Khairul memberi amaran kepada parti komponen BN supaya memainkan peranan untuk memenangi semula sokongan bukan Melayu, terutama orang Cina yang cenderung terhadap DAP.

Copyright (C) 2009-2016 MToday News Sdn. Bhd. All Rights Reserved.

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2016/12/02/parti-komponen-bn-kena-kerja-sekuat-umno-kata-zahid/>